

Nyatakan tindakan yang boleh kamu lakukan berdasarkan situasi di bawah.

1 Kamu dan rakan-rakan kamu besar-siar di taman bunga. Tiba-tiba kamu ternampak beberapa orang budak sedang memijak-mijak bendera negara dan membuangnya ke dalam tong sampah.	Tindakan kamu:
2 Rakan kamu yang berasal dari England telah mengejek kamu mengenai tindakan kamu yang berdiri tegak semasa menyanyikan lagu Negaraku.	Tindakan kamu:
3 Seorang budak perempuan telah bertindak menghina rakan kamu yang berbeza bangsa dengannya. Kata-kata hinaan tersebut telah menyebabkan rakan kamu berasa sangat terguris.	Tindakan kamu:
4 Kamu telah terdengar perbuatan beberapa orang budak yang menghina Rukun Negara dan Yang di-Pertuan Agong.	Tindakan kamu:

Jawapan

menghormati dan menunjukkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong.

menegur perbuatan budak tersebut dan menasihati agar menghormati bendera Malaysia

menegur tindakan budak perempuan tersebut kerana perlembagaan Malaysia tidak membezakan kaum

memberitahu rakan kamu bahawa kamu sangat menghormati lagu Negaraku


Pilih jawapan yang paling tepat

Soalan 1 berdasarkan pernyataan di bawah.

Adilla mematuhi prinsip Rukun Negara dengan melakukan perkara yang tidak bertentangan dengan peraturan dan undang-undang negara.

1. Mengapakah Adilla perlu mematuhi prinsip Rukun Negara?
 - A Menunjukkan sikap adil pada negara
 - B Bertoleransi terhadap semua kaum
 - C Mengamalkan sikap baik hati
 - D Menunjukkan cara menghormati undang-undang negara
2. Antara berikut, yang manakah **bukan** merupakan sikap menghormati undang-undang negara?
 - A Mematuhi segala undang-undang yang telah ditetapkan
 - B Tidak mengamalkan sikap yang boleh mencabar undang-undang negara
 - C Sentiasa melakukan kesalahan yang boleh melanggar undang-undang negara
 - D Menjadikan undang-undang negara sebagai peraturan hidup

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



3. Apakah sikap yang telah ditunjukkan oleh sekumpulan budak tersebut?
 - A Mencemarkan nama baik negara
 - B Sebagai tanda menghormati negara
 - C Bersikap tidak menghormati bendera negara
 - D Sebagai tanda protes terhadap undang-undang negara
4. Berikut merupakan kesan sekiranya tidak menghormati negara, **kecuali**
 - A negara akan bertambah maju dan sejahtera.
 - B negara akan menjadi porak peranda.
 - C sikap saling menghormati antara kaum terhapus.
 - D negara akan dipandang hina oleh masyarakat luar.

